

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

PENGUATKUASAAN AKTA 852

'Hampir setahun kami tak jual rokok'

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Keputusan menghentikan penjualan rokok di rangkaian restoran kami untuk memberi persekitaran lebih sihat dan selamat, malah pelanggan juga lebih selesa," kata pemilik rangkaian restoran Nasi Kandar Mamak Cafe, Mohamed Azrin Anver Ali.

Mohamed Azrin berkata, pihaknya sudah menghentikan penjualan rokok sejak hampir setahun lalu dan mengakui setakat ini ia tidak mengganggu operasi perniagaan atau mengganggu pelanggan ke premisnya.

Menurutnya, keputusan itu juga diambil sebagai langkah untuk menyahut seruan kerajaan yang mewarntakan larangan merokok di semua premis makanan sejak 2019 dan terbaharu penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bermula esok.

"Kita tidak nafikan memang pelanggan sering mencari rokok, malah yang ada marah kerana kita tidak menjualnya. Kita melarang orang merokok jadi tiada gunanya rokok itu dijual di sini dan ini juga untuk mendidik orang ramai supaya tidak merokok. Saya mahu premis nasi kandar menjadi tempat makan bukan tempat beli rokok dan saya tidak mahu pelanggan terdedah de-



MOHAMED Azrin memasang papan tanda rokok tidak dijual di restoran di ibu kota, semalam. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

ngan asap terutama ibu hamil, warga emas dan kanak-kanak kerana di sini tempat keluarga makan-makan dan santai. "Jadi ini komitmen kami dengan menghentikan penjualan rokok dan Alhamdulillah pelanggan semua gembira dan selesa serta keputusan ini tidak menjejaskan kedatangan pelanggan di premis kami," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

"Jadi ini komitmen kami dengan menghentikan penjualan rokok dan Alhamdulillah pelanggan semua gembira dan selesa serta keputusan ini tidak menjejaskan kedatangan pelanggan di premis kami"

Pemilik rangkaian restoran Nasi Kandar Mamak Cafe, Mohamed Azrin Anver Ali

Dia yang mempunyai empat cawangan nasi kandar itu berkata, keputusan berkenaan juga menjadikan persekitaran premis mereka lebih bersih kerana sudah tiada puntung rokok bertaburan di lantai di dalam mahupun luar premis. "Bagaimanapun, tidak dinafikan masih ada yang merokok di premis dan kita akan menegur secara berhemah.

"Sebagai peniaga saya

menyokong usaha kerajaan dan berharap pihak berkenaan juga dapat terus giat meningkatkan kesedaran dalam mendidik orang ramai mengenai perkara ini," katanya.

Sementara itu, tinjauan mendapati pelanggan di restoran berkenaan lebih selesa menikmati hidangan tanpa terganggu dengan asap rokok, malah kawasan persekitaran premis juga termasuk bahagian luar bersih tanpa puntung dan abu rokok.

Kakitangan awam, Norsyariza Shafie, 35, berkata, dia memilih restoran yang peka dengan larangan merokok dan mengakui usaha premis makanan menghentikan penjualan rokok juga bagus sebagai langkah menjaga kesihatan dan alam sekitar.

Langkah progresif walau tak sempurna

Kuala Lumpur: Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) adalah langkah progresif dalam usaha untuk mencegah kesan berbahaya tembakau serta produk rokok elektronik dan vape yang sekian lama berlaku.

Presiden Persatuan Alumni Manipal Malaysia Dr Koh Kar Chai berkata, walaupun akta itu tidak sempurna seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak namun sebagai pengamal perubahan beliau menyifatkan ia sememangnya satu langkah ke hadapan yang hebat.

Beliau memuji keberanian Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang beriltizam tinggi untuk merealisasikan Akta 852 itu.

"Terdapat kebimbangan penjualan vape kepada golongan bawah umur tidak akan diseat kerana kawalan nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun.

"Apa yang diperlukan sekarang ialah kempen kesedaran yang disasarkan bukan sahaja kepada masyarakat umum, tetapi kepada anak sekolah generasi kita yang semakin terdedah dengan produk vape.

"Visi untuk memastikan generasi akan datang bebas daripada tembakau dan produk merokok atau vape.

"Kempen kesedaran kemudian harus diikuti dengan penguatkuasaan ketat akta berkenaan. Kami berharap pihak berkuasa akan terus membanteras mereka yang melanggar akta itu dan tidak membiarkan aktiviti penguat-



Apa yang diperlukan sekarang ialah kempen kesedaran yang disasarkan bukan sahaja kepada masyarakat umum tetapi juga kepada anak-anak sekolah generasi kita yang semakin terdedah dengan produk vape sejak kebelakangan ini"

Dr Koh Kar Chai

kuasaan gagal," katanya.

Beliau mengulas mengenai KKM akan menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bermula 1 Oktober 2024.

Akta itu merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

Menurut KKM menerusi media sosial, peraturan dan perintah yang bakal dikuatkuasakan termasuk rokok elektronik.

Akta 852 diwartakan pada Februari lalu sehingga kini masih belum dikuatkuasakan walaupun pada mulanya diumumkan akan dilaksanakan pada Jun dan kemudiannya ditangguhkan pada Ogos.

Sebelum ini, Dr Dzulkefly berkata, langkah KKM memewartakan Akta 852 bermula 2 Februari lalu adalah sejajar usaha untuk mengekang penggunaan produk tembakau dan mengurangkan kemudaratan akibat merokok.



Kita juga mencadangkan KKM menambah baik imej termasuk pembaharuan pakaian seragam PKP dan PPKP sebagai pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan akta itu"

Mohd Ruhaizie Riyadzi

KKM disaran guna pakai sistem kompaun elektronik

Kuala Terengganu: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disaran melaksanakan sistem pengeluaran notis kompaun elektronik sebelum menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang berkuat kuasa esok.

Presiden Kesatuan Inspektor Kesihatan Semanjung (KIKSM), Mohd Ruhaizie Riyadzi berkata,

kaedah pengeluaran notis saman secara bertulis sudah tidak sesuai digunakan.

Menurutnya, ini kerana semua agensi penguat kuasa lain sudah menggunakan kaedah pengeluaran notis kompaun dan saman secara elektronik.

"Kita juga mencadangkan KKM menambah baik imej termasuk pembaharuan pakaian seragam pegawai kesihatan persekitaran

(PKP) dan penolong pegawai kesihatan persekitaran (PPKP) yang bertanggungjawab melaksanakan akta itu. PKP dan PPKP sebagai pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan akta itu perlu berpakaian seragam dengan tanda nama, jawatan serta jaket (vest)," katanya.

Terdahulu, Mohd Ruhaizie bersama lebih 150 penunggang motosikal berkuasa tinggi mengedarkan

risalah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) sempena program Ukhwah Ride kepada pengunjung di Pasar Payang Satu di sini, kelmarin.

Mohd Ruhaizie berkata, cadangan penambahbaikan dibuat berdasarkan maklum balas orang ramai ketika mengadakan program Ukhwah Ride di Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Pahang dan Terengganu.

Berdasarkan maklum balas itu, katanya, KIKSM merangka strategi memperkasakan pelaksanaan akta berkenaan dengan mengemukakan saranan dan cadangan kepada KKM.

"Saranan itu mampu meningkatkan pelaksanaan penguatkuasaan akta secara cekap, efisien dan mencapai matlamat dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat di seluruh negara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Isnin 30.09.2024

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 13

lokal

'Wajah saya diguna tanpa izin'

Oleh Mohd Haris
Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penghidap penyakit darah tinggi digesa berwaspadakan mengelak daripada menggunakan produk kesihatan tambahan yang kononnya mampu menggantikan ubat dipreskripsi oleh doktor bertaubiah.

Pakar kardiologi, Prof Dr Chin Sze Piaw berkata, produk berkenaan menggunakan wajahnya yang disunting bagi mengiklankan makanan kesihatan terbitan tanpa kebenaran dirinya di laman sesawang.

Menurutnya, laman sesawang berkenaan turut memaparkan artikel palsu membabitkan dirinya kononnya memperakui keberkesanan produk itu malah meminta orang ramai berhenti menggunakan ubat yang diberikan oleh doktor.

"Pesakit darah tinggi ti-

Pakar ingatkan pesakit darah tinggi elak guna produk kesihatan tambahan

dak seharusnya berhenti menggunakan ubat-ubatan yang dipreskripsi oleh doktor tanpa sebab kerana ia adalah ubat yang boleh menyelamatkan nyawa anda dan mengelakkan kegagalan buah pinggang serta masalah jantung.

"Mereka membuat pelbagai dakwaan palsu termasuk mendakwa ubat preskripsi doktor yang menyebabkan kematian seorang pelakon Hollywood.

"Saya khuatir jika pesakit hanya menggunakan *supplement* herba berkenaan boleh menyebabkan kematian," katanya pada sidang media di Wisma MCA di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Jabatan Perkhidmatan Awam dan Biro Aduan MCA, Datuk Seri Michael Chong yang pernah menjadi mangsa apabila imejnya disalahgunakan kira-kira tiga tahun lalu.

Menurutnya, laman sesawang berkenaan bertindak menggunakan imejnya

sebagai seorang pakar kardiologi untuk membuat keuntungan tanpa memikirkan kesannya terhadap pembeli.

Katanya, perkara itu juga memberi kesan negatif kepada reputasinya sebagai seorang pakar perubatan namun beliau lebih khuatir kesan buruk produk berkenaan ke atas pembeli yang kurang arif.

"Mereka menggunakan reputasi saya sebagai pakar yang berpengalaman selama 30 tahun dalam bidang perubatan untuk mempromosikan produk berkenaan.

"Mereka gunakan nama, gambar saya dan menerbitkan artikel temubual palsu membabitkan saya tanpa pengetahuan saya malah memaparkan artikel kononnya daripada sesi temubual bersama salah satu media cetak bahasa Melayu tempatan.

"Dalam artikel palsu itu mereka mendakwa saya meminta orang ramai ber-

henti mengambil ubat preskripsi doktor, mereka tulis bahawa saya menyasarkan pesakit menggunakan produk mereka," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang terlihat artikel berkenaan diminta untuk tidak percaya dan mengabaikan terus laman sesawang terbabit kerana ia adalah perbuatan individu tidak bertanggungjawab.

Katanya, laporan polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sudah dibuat sejurus dimaklumkan berhubung perkara itu oleh kenalan pada 25 September lalu.

Beliau berkata, kenalan berkenaan yang juga seorang pakar perubatan men-

dapat tahu berkenaan perkara itu selepas salah seorang pesakitnya membaca artikel palsu berkenaan dan meminta pendapatnya.

"Saya berasakan mereka menyasarkan pembaca berbahasa Melayu berdasarkan bahasa digunakan dalam artikel palsu berkenaan jadi saya rasa golongan ini paling terdedah kepada risiko.

"Pesakit yang ambil ubat darah tinggi tolong ikut nasihat doktor anda dan yang penting jangan berhenti mengambil ubat preskripsi oleh doktor tanpa sebab," katanya.

Sementara itu, peguam, Datuk Joy W Appukuttan berkata, pihaknya sedang meneliti tindakan yang akan diambil pihaknya dari sudut undang-undang.

Katanya, buat masa ini fokus utama mereka adalah bagi memastikan laman sesawang itu ditutup supaya tiada lagi pembeli menjadi mangsa.



"Saya khuatir jika pesakit hanya menggunakan *supplement* herba berkenaan boleh menyebabkan kematian"

Pakar kardiologi, Prof Dr Chin Sze Piaw

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Pemandu halang laluan ambulans

KOTA BHARU — Pemandu sebuah trak pikap jenis Mitsubishi Triton yang dipercayai menghalang laluan ambulans walaupun siren kecemasan dibunyikan beberapa kali di persimpangan Padang Lembek, Ktereh di sini pada Khamis lalu diburu polis.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, rakaman video berdurasi 46 saat yang tular di aplikasi TikTok mendapati pemandu kenderaan tersebut menghalang laluan ambulans.

Menurutnya, tindakan pemandu trak pikap itu melanggar peraturan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Justeru, kita meminta pemandu ambulans dan trak pikap



TANGKAP layar video memaparkan pemandu sebuah trak pikap menghalang laluan ambulans di Ktereh, Kota Bharu Khamis lalu.

itu untuk hadir ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik bagi membantu siasatan.

"Kaedah-Kaedah Lalu Lintas LN165/59 iaitu Kanun Lebuhraya menyatakan Peraturan 24 LN165/59 apabila menghampiri apa-apa kenderaan kecemasan

seperti polis, bomba atau ambulans, bunyi siren atau loceng, tatacara pemanduan mesti masuk ke sebelah kiri atau kanan dan berhenti untuk memudahkan laluan kenderaan kecemasan," katanya dalam kenyataannya di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

49 pelajar sakit perut selepas makan hidangan dalam pek

BEAUFORT- Seramai 49 pelajar di sebuah sekolah menengah di Membakut di sini mengalami sakit perut dipercayai akibat keracunan makanan pada Rabu lalu.

Semua pelajar tersebut dipercayai mengambil makanan pek dalam satu program yang diadakan di sekolah berkenaan pada Selasa.

Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Raisin Saidin yang mengesahkan perkara itu berkata, mereka telah menerima rawatan pada hari sama dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Memang ada kes ini, pelajar makan makanan ketika menyertai sebuah program

pada 24 September dan mengalami simptom pada keesokan harinya.

"47 daripadanya terdiri daripada pelajar Tingkatan Lima manakala dua lagi merupakan pelajar Tingkatan Dua.

"Mereka mengalami sakit perut dan cirit birit tetapi keadaan terkawal selepas menerima rawatan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Bagaimanapun katanya, perkara itu masih dalam siasatan sekolah dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"KKM telah diberikan maklumat mengenai pembekal makanan dalam program tersebut untuk tindakan lanjut dan sedang menyiasat punca keracunan makanan ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Polis kesan pemandu pikap halang ambulans



Rakaman pemandu pikap menghalang laluan ambulans walaupun siren kecemasan dibunyikan di persimpangan Padang Lembek, Ketereh di Kota Bharu pada Khamis lalu.

KOTA BHARU - Polis giat mengesan pemandu pikap dipercayai menghalang laluan ambulans walaupun siren kecemasan dibunyikan beberapa kali dalam kejadian di persimpangan Padang Lembek, Ketereh di sini pada Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Rosdi Daud berkata, pihaknya mengesan satu rakaman video berdurasi 46 saat di aplikasi TikTok memaparkan tindakan seorang pemandu pikap putih jenis Mitsubishi Triton menghalang laluan ambulans," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut Mohd Rosdi, pemandu pikap didapati melanggar peraturan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan

1987 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan.

"Pada masa sama, polis meminta pemandu ambulans hadir ke balai polis bagi membantu siasatan.

"Apabila menghampiri apa-apa kenderaan kecemasan seperti polis, bomba atau ambulans, bunyi siren atau loceng, tatacara pemanduan mestilah masuk ke sebelah kiri atau kanan dan berhenti untuk memudahkan laluan kenderaan kecemasan," katanya.

Katanya, perkara itu ada dinyatakan dalam Kaedah Lalulintas LN165/59.

Mohd Rosdi berkata, orang ramai yang melihat atau mempunyai maklumat mengenai kejadian itu juga diminta menghubungi balai polis berhampiran untuk membantu siasatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Vaksin halal pertama Malaysia pada 2027

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia bakal menghasilkan dua jenis vaksin tempatan halal pertama menjelang 2027 di bawah inisiatif dan pembiayaan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, dua vaksin itu berupaya mencegah enam jenis penyakit menerusi projek *Hexavalent*

Dua vaksin itu dihasilkan bagi mencegah enam jenis penyakit

Vaccine Development Containing Novel Acellular Pertussis & Inactivated Polio Antigens.

Manakala, satu lagi vaksin

akan melindungi manusia daripada 13 serotaip (jenis) bakteria *Streptococcus Pneumoniae* iaitu penyebab utama penyakit radang paru-paru menerusi projek *Development and Technology Transfer for Malaysia's First Pneumococcal Conjugated Vaccine.*

"Kedua-dua vaksin itu akan dibangunkan oleh syarikat tempatan bersama rakan strategik luar negara melalui pemindahan teknologi.

"Vaksin yang dapat melindungi manusia daripada enam

jenis penyakit itu ialah penyakit berkaitan Difteria (tifoid), Tetanus (kancing gigi), Pertusis (batuk kokol), Poliomielitis (polio), Haemophilus jenis b (Hib) dan Hepatitis B (Hep-B).

"Kedua-dua vaksin ini tersenarai dalam Pelan Imunisasi Kebangsaan (NIP)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, penyelidikan pembangunan vaksin halal di Malaysia masih rendah dan memerlukan pendedahan lebih besar.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



Akan berjayakah Akta 852?

SELEPAS beberapa kali ditangguhkan, akhirnya Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) akan mula berkuat kuasa esok, 1 Oktober. Ia merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

Penguatkuasaannya dilihat bukan sahaja mampu menyelamatkan nyawa, meningkatkan tahap kesihatan awam tetapi juga mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar. Paling penting, ia disasar untuk membendung aktiviti merokok termasuk rokok elektronik daripada terus berleluasa dalam kalangan generasi muda.

Akhirnya nanti, perbelanjaan kerajaan dapat dijimatkan apabila semakin kurang individu dimasukkan ke hospital angkara aktiviti dan ketagihan rokok dan rokok elektronik.

Akta itu juga diharapkan akan menguatkan azam perokok yang mahu berhenti untuk mencapai cita-cita mereka itu. Selama ini, tidak ramai yang berjaya walaupun menyedari bahaya merokok. Ketagihan nikotin membuatkan mereka mengabaikan bahaya rokok.

Namun, penguatkuasaan akta itu pasti akan membawa impak kepada beberapa pihak. Antaranya ialah pengusaha dan peniaga rokok elektronik. Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia-Singapura turut menyuarakan kebimbangan dan jangkaan penurunan pendapatan.

Alasan yang diberikan ialah tempoh waktu yang terlalu singkat sebelum akta itu dikuat kuasa iaitu selama tujuh hari sahaja. Mereka mendakwa tidak sempat membuat pengubahsuaian bagi mematuhi akta itu khususnya melibatkan stok-stok lama produk yang berada dalam simpanan.

Wajarkah rintihan mereka itu didengar? Selepas bertahun-tahun mengaut untung besar, tiba-tiba merintih akan rugi pula. Kerajaan diharap tidak 'terpedaya' dengan rintihan tersebut dan berlembut.

Sepatutnya mereka dan pemain industri tersebut yang menjana berbilion ringgit setahun sudah lama bersedia kerana akta itu sudah beberapa kali ditangguhkan. Perincian akta itu sudah lama diketahui.

Justeru, teruskan sahaja penguatkuasaan itu. Seperti biasa, apabila ada undang-undang baharu, pasti ada pelbagai pendapat dan cerita yang didengar tetapi lamakelamaan industri dan masyarakat akan terbiasa.

Setelah Akta 852 dikuatkuasakan, kerajaan sudah boleh memikirkan untuk memasukkan semula elemen Generasi Penamat (GEG) ke dalam akta itu pada masa depan. Elemen GEG sudah ada dalam akta tersebut tetapi dikeluarkan selepas dua hari perbincangan di Dewan Rakyat. Rasionalnya pada ketika itu ialah untuk mempercepatkan Akta 852 kerana elemen GEG ada beberapa implikasi yang boleh mengganggu akta itu dilaksanakan segera.

Selain itu, turut harus menjadi keutamaan kerajaan selepas ini ialah isu penyeludupan rokok dan vape yang dijangka meningkat berikutan penguatkuasaan Akta 852. Jika kerajaan berhasrat menaikkan cukai tembakau dan vape dalam belanjawan tahun depan, aktiviti itu pasti lebih rancak. Agensi yang terlibat perlu bersiap sedia.

Hakikatnya, isu rokok adalah isu yang sangat kompleks untuk ditangani dan tidak akan sama di antara negara. Kaedah yang digunakan dan berjaya di negara lain mungkin tidak boleh diguna pakai di negara lain kerana latar belakang dan pendidikan masyarakat yang berbeza.

Justeru, sangat menarik untuk melihat pelaksanaan dan keberkesanan Akta 852 ini.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia/
Mingguan Malaysia

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Vaksin halal pertama Malaysia pada 2027

Dari muka 1

Sehubungan itu, bagi memperkasa usaha ini, MOSTI memperkukuh inisiatif dengan menyediakan geran penyelidikan dan pembangunan, mempromosikan kerjasama strategik antara universiti, dan industri.

Ini termasuk membangunkan platform khusus untuk mengintegrasikan kepakaran

tempatan dalam menghasilkan vaksin patuh syariah.

"Secara amnya, pembuatan vaksin melibatkan beberapa peringkat kritikal seperti penyelidikan, pengeluaran bahan mentah, formulasi dan pengujian keselamatan.

"Dalam perspektif Islam, satu daripada cabaran utama dalam pembangunan vaksin halal adalah mengenal pasti dan

memastikan titik kawalan halal dipatuhi sepanjang proses pembuatan.

"Bagi tujuan tersebut, MOSTI membiayai beberapa projek berkaitan pembangunan vaksin halal seperti Alternative Vaccine Production Pipelines Towards Halal Vaccine Development yang sedang dilaksanakan oleh Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia," katanya.



AMINUDDIN HASSIM

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : DALAM NEGERI

Polis kesan pemandu trak pikap halang ambulans

KOTA BHARU: Polis mengesan pemandu trak pikap yang dipercayai menghalang laluan ambulans walaupun siren kecemasan dibunyikan beberapa kali dalam kejadian di persimpangan Padang Lembek, Ketereh di sini.

Kejadian yang kemudiannya tular dalam media sosial itu dipercayai berlaku pada pukul 2.14 petang pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, rakaman video berdurasi 46 saat di aplikasi TikTok itu memaparkan tindakan seorang pemandu trak pikap Mitsubishi Triton menghalang laluan ambulans.

Menurutnya, tindakan pemandu trak pikap itu melanggar peraturan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 119

Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan.

"Pada masa sama, kita turut meminda pemandu ambulans dan trak pikap terlibat untuk hadir ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik bagi membantu siasatan.

"Dalam Kaedah-Kaedah Lalulintas LN165/59 iaitu Kanun Lebuhraya ada menyatakan Peraturan 24 LN165/59 apabila menghampiri apa-apa kenderaan kecemasan seperti polis, bomba atau ambulans, bunyi siren atau loceng, tatacara pemanduan mestilah masuk ke sebelah kiri atau kanan dan berhenti untuk memudahkan laluan kenderaan kecemasan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



TANGKAP layar kejadian pemandu trak pikap menghalang laluan ambulans dalam kejadian di Kampung Padang Lembek, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION

Health experts: Annual check-ups can save lives

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: A survey found that two in five Malaysians have not gone for health screenings, which means non-communicable diseases (NCDs) cannot be detected early and the necessary action taken, say public health experts.

According to the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 report released earlier this year, individuals aged 18 and above did not go for any health screenings for diabetes, hypertension or high cholesterol

in the previous 12 months.

Prof Dr Moy Foong Ming of Universiti Malaya's Department of Social and Preventive Medicine said early screening allows early management of risk factors through either lifestyle modifications or medical treatment if needed.

"If these risk factors are not picked up and action not taken, serious health conditions such as heart attacks or strokes may occur," she said when contacted.

She also said the risk of contracting diabetes and hypertension increases with age.

Citing the NHMS report, Prof Moy said the biggest number of those who did not know they had diabetes and hypertension were in the 18-39 age groups.

"However, with the overweight and obesity prevalence increasing and affecting adults of all ages, the risk factors can appear earlier," she said.

Prof Moy said health screenings for adults aged 18 to 29 should be targeted at those with obesity.

"By tackling the issue of being overweight or obese with a healthy lifestyle, these risk factors can be prevented," she said.

She also proposed that the free health screenings offered by the Social Security Organisation (Socso) for eligible Socso-insured persons be extended to those aged 30 and above.

It is currently eligible for those 40 and above.

The NHMS 2023 report is based on data collected between July and September last year.

A total of 13,616 respondents participated in the survey.

Public health physician Datuk Dr Zainal Ariffin Omar described the statistics on health screenings as very serious and worrying.

"NCDs can start at any age after adolescence, more so in adults and the elderly.

"Early screening is very important. For young adults, it's best to have it every few years and yearly for those above 40," he said.

Dr Zainal added that there can be intervention at the early stages if NCDs are detected early.

"It is more treatable and mitigates the risk of complications.

"Those eligible should also utilise the Peka B40 health screening initiative by the government," he said, stressing the importance of looking after one's health.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VIEWS

LITTLE Awang was nipped when he was playing with a seemingly friendly stray dog that had approached him with a wagging tail. Unbeknown to the young Sarawakian, deadly viruses lurking within the dog's saliva had transferred to him. Days later, he began experiencing fever and muscle weakness – symptoms that were tragically misdiagnosed as a common flu. By the time rabies was suspected, it was too late.

Awang's story is a heartbreaking reminder of the silent killer that continues to plague South-East Asia, including Malaysia. According to the World Health Organisation, an estimated 59,000 people die from rabies annually; with the majority of cases occurring in Asia and Africa. In South-East Asia, the disease is endemic in several countries, including Malaysia, where an average of 10 to 15 human rabies cases are reported each year. The actual number of cases may be higher due to under-reporting and misdiagnosis.

The primary reservoir of rabies in Malaysia is stray dogs, which account for over 90% of human cases. Other animals, such as cats, monkeys and bats, can also transmit the virus, albeit less frequently. Rabies symptoms typically develop two to three months after exposure, but the incubation period can vary from a few weeks to several years. Initial symptoms may include fever, headache and

muscle weakness, followed by more severe neurological manifestations such as confusion, hallucinations and hydrophobia (fear of water). Once symptoms appear, rabies is almost invariably fatal, highlighting the critical importance of preventive measures.

In Malaysia, the government has implemented various strategies to control rabies, including mass dog vaccination campaigns, stray dog control programmes and public education initiatives. However, challenges remain, particularly in ensuring adequate vaccination coverage in rural areas and addressing the issue of stray dog populations.

It is crucial to remember that rabies is a fatal disease, but it is entirely preventable through vaccination and post-exposure prophylaxis. Any animal bite, par-

ticularly from a dog or other mammal, should be considered potential rabies exposure requiring immediate medical attention. Washing the wound thoroughly with soap and water and seeking medical advice promptly can significantly reduce the risk of infection.

Pet owners have a vital role to play in rabies prevention. Ensuring their animals are vaccinated and avoiding contact with stray or wild animals are essential steps to protect both pets and the community. Responsible pet ownership, including spaying and neutering, can help reduce strays.

Ultimately, it is important to remember that animals infected with rabies are victims of the disease themselves. We should approach them with compassion and empathy, as well as support

A call to action to end rabies



Photo: MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

humane solutions to control the disease and protect both animals and people.

World Rabies Day is marked annually on Sept 28 to remind us of the devastating impact of this disease, and the urgent need for concerted action. This year's theme, "Breaking Rabies Boundaries", emphasises a collaborative approach to addressing health threats at the human-animal-environment interface.

And it is not just for scientists and policymakers. By increasing public awareness, improving access to animal healthcare, strengthening rabies control measures, and fostering a compassionate approach towards animals, we can work towards eliminating this deadly disease from South-East Asia.

It is our collective responsibility to protect ourselves, our families, our communities, and the animals we share our world with, from the silent killer that is rabies. Let us not allow another Awang to become a victim of a preventable tragedy.

DR JASMINE KHAIRAT
Senior lecturer (Virology)
Microbiology & Molecular
Genetics Programme
Institute of Biological
Sciences, Faculty of Science
Universiti Malaya